

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR [JOHOR BAHRU]**

**TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [ JOHOR BAHRU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebarang perancangan untuk menambah baik Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dari segi meningkatkan tahap perlindungan terhadap pemberi maklumat (*whistleblowers*) bagi menjamin akauntabiliti dan tata kelola yang baik.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah digubal bertujuan untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pemberi maklumat membuat pendedahan kelakuan tidak wajar, melindungi orang yang membuat pendedahan daripada tindakan yang memudaratkan dan memastikan supaya pendedahan tersebut disiasat dan diuruskan dengan sewajarnya. Ini juga selaras dengan inisiatif yang diterajui oleh Kerajaan dengan menandatangani *United Nations Conventions Against Corruption* (UNCAC) pada 20

September 2008 di mana *state party* mempunyai komitmen untuk mengadakan undang-undang bagi memberi perlindungan kepada pemberi maklumat dan tindakan sewajarnya supaya pendedahan tersebut disalurkan kepada pihak berkuasa (Artikel 33 dan 37 UNCAC).

Sehingga kini, sebanyak tujuh (7) agensi penguatkuasa telah mengguna pakai Akta 711 ini iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Cadangan pindaan dan penambahbaikan Akta 711 ini juga merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) Bagi Tahun 2019-2023 iaitu di bawah Strategi 5: Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang dan Objektif Strategik 5.3: Memperkukuh Agensi Penguatkuasaan undang-undang. Pelaksanaan inisiatif di bawah NACP ini disasarkan untuk dilaksanakan dalam tempoh Januari 2021 hingga 2023.

Beberapa sesi libat urus dengan pihak pemegang taruh telah diadakan termasuk sesi libat urus dengan pihak dengan pihak *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC). Di samping itu juga, satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan bagi menilai, mengkaji serta menetapkan parameter berdasarkan cadangan pindaan dan penambahbaikan yang telah diterima daripada pelbagai pihak berkepentingan. Tujuh (7) isu yang berkaitan dengan Akta 711 telah dikenal pasti untuk diberi keutamaan dalam proses penambahbaikan akta tersebut seperti berikut:

- i. Definisi “Kelakuan tidak Wajar” di bawah Seksyen 2 Akta 711 adalah terlalu luas dan tidak jelas. Kajian mendapati bahawa tiada sekatan atau perbezaan di antara salah laku umum dengan salah laku yang serius.
- ii. Akta 711 tidak mengiktiraf mekanisme aduan dalaman yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi “bukan agensi penguat kuasa” untuk diterima sebagai saluran pendedahan kelakuan

tidak wajar yang sah dan diterima di bawah Akta 711. Akta 711 memperuntukkan bahawa pendedahan kelakuan tidak wajar hanya boleh dibuat kepada agensi penguat kuasa dan tidak dibenarkan untuk dikongsi dengan mana-mana pihak ketiga.

- iii. Tiada pengurusan secara berpusat atau pihak berkuasa tunggal yang bertanggungjawab dalam memberi perlindungan kepada pemberi maklumat di Malaysia. Pada masa kini, Malaysia melaksanakan model tidak berpusat di mana perlindungan pemberi maklumat adalah dikendalikan oleh Agensi Penguatkuasaan sendiri.
- iv. Terdapat percanggahan di antara Seksyen 6 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Seksyen 203A (1) dan (2) Kanun Keseksaan. Seksyen 203A Kanun Keseksaan memperuntukkan mana-mana pihak yang didapati mendedahkan mana-mana maklumat yang diperoleh olehnya sewaktu menjalankan tugas merupakan suatu kesalahan. Namun, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (APPM) membenarkan pendedahan sesuatu kelakuan tidak wajar yang diketahui sewaktu seseorang menjalankan tugas, sama ada oleh pegawai badan awam, atau badan swasta. Perkara ini menimbulkan kekeliruan seolah-olah terdapat percanggahan dalam undang-undang. Perkara ini seterusnya membawa kepada dilema dari sudut undang-undang dan moral kepada pemberi maklumat sekiranya ia berhasrat untuk membuat sesuatu pendedahan. Ini termasuklah sekatan yang diperuntukkan di bawah undang-undang bertulis lain seperti Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan sebagainya.
- v. Terdapat percanggahan Seksyen 8 dan Seksyen 14 Akta 711. Siasatan “Tindakan Yang Memudaratkan” pada kebiasaannya akan mendedahkan identiti Pemberi Maklumat. Seksyen 8 memperuntukkan bahawa pendedahan identiti Pemberi Maklumat merupakan suatu kesalahan di bawah Akta ini. Di samping itu, Seksyen 14 pula memperuntukkan kuasa kepada Agensi Penguat kuasa menjalankan siasatan berhubung “Tindakan Yang Memudaratkan” apabila menerima aduan

daripada Pemberi Maklumat. Ini menimbulkan dilema kepada Agensi Penguat kuasa kerana Agensi Penguat kuasa perlu memaklumkan asas menjalankan sesuatu siasatan kepada pihak yang disiasat.

- vi. Seksyen 11(1)(a) memperuntukkan bahawa agensi penguatkuasaan boleh membatalkan perlindungan pemberi maklumat jika berdasarkan penyiasatan didapati bahawa pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar yang didedahkan itu; dan
- vii. Seksyen 26 Akta 711 tidak memperuntukkan kaedah serta skala pengiraan ganjaran.

Tujuh (7) isu ini masih dalam kajian dan penelitian Jawatankuasa Kerja Pindaan Akta 711. Hasil kajian dan parameter bagi cadangan penambahbaikan Akta 711 dijadual akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada Disember 2021.

Dalam hal ini, Kerajaan amat mengalu-alukan sebarang cadangan dan maklum balas daripada pelbagai pihak berhubung Akta 711. Ini bagi memastikan cadangan pindaan Akta 711 ini dapat menambah baik pelaksanaan perlindungan pemberi maklumat dan seterusnya mengekang kes salah laku dan rasuah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]**

**TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci senarai projek-projek di daerah Sandakan yang gagal disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan apakah pula status projek-projek ini di bawah RMK-12.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh pelaksanaan sesuatu projek yang telah diluluskan tidak dihadkan dalam tempoh satu tahun Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Tempoh pelaksanaan projek adalah berkait rapat dengan prestasi kemajuan projek dan kemampuan kontraktor yang dilantik. Sekiranya projek tersebut tidak dapat disiapkan dalam tempoh sesuatu RMLT, pelaksanaannya akan diteruskan dalam RMLT berikutnya sebagai projek sambungan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat beberapa projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-

11). Projek-projek tersebut akan dilaksanakan sebagai projek sambungan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Antaranya projek-projek tersebut termasuklah:

- i. Pembesaran Lapangan Terbang Sandakan, Sabah;
- ii. Pembinaan Baharu Kolej Vokasional Berasrama Penuh serta Lain-Lain Kemudahan Berkaitan di Kawasan Hub Pendidikan Sandakan, Daerah Sandakan, Negeri Sabah;
- iii. Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan dan Rangkaian Paip Pemetungan di Bandar Sandakan;
- iv. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Anip, Lembangan Sg. Anip, Sandakan, Sabah; dan
- v. Pembinaan Semula dan Naiktaraf Kompleks Perumahan Perhutanan Buli Sim Sim, Sandakan.

3. Kerajaan sentiasa memantau pelaksanaan projek yang diluluskan bagi memastikan ianya sentiasa mengikut jadual dan dapat disiapkan sebagaimana dirancang. Pada masa ini, terdapat pelbagai platform/taskforce diwujudkan di peringkat kementerian/negeri bagi membincangkan isu-isu pelaksanaan dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan untuk menangani projek sakit/ lewat jadual. Contoh platform yang diwujudkan adalah Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) dan Mesyuarat Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg), malah saya bersama-sama Ketua Setiausaha Negara mempengerusikan Jawatankuasa Pemudahcara dan Pemantauan Pelaksanaan Projek.

Sekian, terima kasih.